

Keperluan dan keutamaan hidup



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaitonmohamad@yahoo.com

UB 1961384

APABILA disebut keutamaan hidup, bagaimana hendak menetapkan keutamaan itu merangkumi nilai-nilai sejagat manusia dan relevan pada setiap zaman? Seorang ahli psikologi yang bernama Abraham Maslow memperkenalkan piramid hierarki keperluan manusia yang mana menurut beliau manusia secara semulajadi cuba memenuhi keperluan-keperluan dari peringkat asas (fisiologi) hingga ke peringkat tertinggi iaitu kesempurnaan sendiri.

Keperluan fisiologi adalah keperluan asas manusia seperti makanan, minuman dan tempat tinggal. Keperluan keselamatan, bermakna keselesaan dan bebas daripada perasaan takut. Manakala sahabat, teman, keluarga dan harta termasuk dalam keperluan kasih sayang. Penghargaan sendiri adalah keperluan kepada pengiktirafan dan penghormatan. Peringkat tertinggi keperluan pula adalah kesempurnaan sendiri iaitu personaliti yang dapat merealisasikan potensi diri dengan sepenuhnya. Hierarki Maslow ini sebenarnya mempunyai persamaan dengan ajaran yang dibawa

oleh Nabi Muhammad SAW lebih 1400 tahun dahulu.

Menurut Abdul Karim Zaidan di dalam buku Islam dan Dakwah mengatakan bahawa syariat atau peraturan Islam mampu memenuhi keperluan manusia sepanjang zaman dengan membahagikan kepada tiga perkara utama iaitu darurat, haajah dan tahsiniah yang saling melengkapi. Apa yang ditekankan dalam darurat iaitu jaminan kebaikan adalah merangkumi susunan yang bermula daripada harta, kehormatan, akal, nyawa dan agama. Dalam menjaga dan memelihara

agama, Islam menyuruh umatnya berjihad. Justeru itu sebagai manusia yang mempunyai pemikiran yang waras akan bersedia untuk mencapai peringkat demi peringkat di dalam hidup mereka.

Malah akan membentuk kepercayaan semenjak kecil melalui didikan dan asuhan yang sempurna oleh kedua ibu bapa dan guru. Mereka percaya bahawa setiap peringkat mereka akan menggapainya sekiranya mempunyai kepercayaan yang kuat melalui pelaziman semenjak hari dilahirkan bahawa mereka akan berjaya. Justeru itu mereka akan membentuk, memperkukuh dan

menjadi pegangan kebanyakan daripada apa yang dipercayai tentang kebolehan diri sendiri.

Di samping itu juga bicara sendiri juga wajar diaplikasikan dalam hidup demi memajukan kehidupan. Bicara sendiri merupakan satu kaedah untuk mengatasi pemrograman lalu yang negatif, yang boleh melemahkan sistem kepercayaan. Dengan kaedah itu ia merupakan cara yang lebih praktikal untuk menjalani kehidupan dengan tujuan yang aktif dan bukan penerima pasif. Malah dengan mengubah arahan yang baharu akan memberikan

pusat kawalan dalaman kita dengan perkataan dan pernyataan yang lebih efektif supaya lebih berguna untuk setiap aspek diri yang ingin dibaiki. Keadaan ini akan memberikan energi yang lebih hebat dalam memenuhi keperluan dan keutamaan hidup. Oleh sebab itu, kegagalan kali pertama bukan bererti gagal untuk selamanya.

Keadaan yang sukar selalu akan membuatkan emosi merudum. Tanpa mempunyai spiritual yang kukuh amat sukar untuk bangkit membuat pemrograman semula. Spiritual merupakan satu aspek yang perlu ada di

dalam setiap sanubari manusia. Ia merupakan kekuatan yang hakiki yang membolehkan setiap insan celik akal untuk memprogramkan semula kawalan dalaman dalam merentasi setiap dugaan yang hadir di muka bumi. Ada pepatah orang tua-tua hidup biarlah menjadi garam dari lautan yang mampu menahan busuk ikan daripada menjadi langau yang merosakkan keenakan ikan itu. Lantaran itu buka jiwa untuk kembali kepada fitrah manusia dengan berbuat kebaikan demi menuju kehidupan kekal dan abadi.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi UMS